

22 JUL 1997

Mahathir-Bakun

PERBEZAAN ANTARA EKTRAN DAN ABB BOLEH DISELESAI

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini memberi jaminan bahawa tiada pertikaian berlaku dalam projek empangan hidro elektrik Bakun berharga RM15.5 bilion dan projek itu akan berjalan seperti dirancangkan.

Perdana Menteri berkata perbezaan antara pemaju, Ekran Bhd dan kontraktor, Asea Brown Boveri, berhubung kontrak kejuruteraan, pemerolehan dan pembinaan (KPP) boleh diatasi.

"Tiada pertikaian mengenai Bakun...projek itu akan tetap dijalankan," katanya pada persidangan berita di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah petang ini sekembalinya daripada bercuti selama dua bulan.

Dr Mahathir berkata demikian ketika diminta mengulas kenyataan timbalannya, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada Selasa lepas bahawa terdapat perselisihan pendapat antara pihak-pihak yang terbabit berhubung KPP yang mungkin melengahkan projek itu.

Anwar telah mengarahkan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, Datuk Leo Moggie membantu pihak yang berkenaan menyelesaikan sebarang masalah. Pihak-pihak tersebut dijangka mengadakan perbincangan esok.

Dr Mahathir berkata: "Ada orang mungkin tidak berpuas hati...(mereka mungkin) mempunyai pendapat peribadi tentang sesuatu perkara tertentu, tetapi kita akan atasi ini."

Katanya Bakun adalah projek nasional dan kerajaan tidak akan membiarkan "pendapat peribadi atau sebarang rasa tidak puas hati menjadi penghalang kepada sebuah projek yang amat penting kepada negara."

"Semua kontrak boleh menimbulkan pertikaian...ia boleh diatasi. Kita telahpun mengatasi banyak masalah," katanya.

Terdapat spekulasi bahawa Ekran mahukan kontrak-kontrak pembinaan Bakun diberikan kepada syarikat-syarikat yang berkaitan dengannya atau yang disyorkannya manakala ABB, kumpulan kejuruteraan Switzerland-Sweden mahu diadakan tender terbuka. -- BERNAMA

JR SHY MA MAI